

WANITA MELECUR DISAMBAR API KETIKA ISI MINYAK

Telefon bimbit umpama pemetik api

➔ Haba dihasil gelombang elektromagnet gajet pintar cetus kebakaran



Oleh Nadia Hamid dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Telefon bimbit umpama pemetik api ketika seseorang mengisi minyak kerana ia memancarkan gelombang elektromagnet dan haba.

Pakar Kimia Organik, Petrokimia dan Pemangkinan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Taufik Yap Yun Hin, berkata kebakaran di stesen pam minyak berpunca daripada haba yang dihasilkan oleh telefon bimbit.

Katanya, masyarakat sering mengabaikan risiko yang disebabkan kecuaiannya itu kerana ramai tidak sedar bahawa penggunaan telefon bimbit untuk tempoh lama menyebabkan mana-mana gajet pintar semakin panas.

Tiga pencetus percikan api

“Kebakaran tidak akan terjadi melainkan wujud tiga elemen iaitu haba, oksigen dan bahan bakar yang menjadi asas untuk meng-

Masyarakat sering abaikan risiko yang disebabkan kecuaiannya itu kerana ramai tidak sedar penggunaan telefon bimbit untuk tempoh lama menyebabkan mana-mana gajet pintar semakin panas”

Taufik Yap Yun Hin,
Pakar Kimia Organik,
Petrokimia dan Pemangkinan,
Universiti Putra Malaysia

hasilkan percikan api.

“Justeru, telefon bimbit bertindak sebagai haba yang dihasilkan menerusi gelombang elektromagnet manakala oksigen dan bahan bakar, masing-masing daripada persekitaran serta wap petrol.

“Menyedari risiko ini, setiap pengurusan loji penapisan petroleum di seluruh dunia melarang petugasnya membawa telefon bimbit ke lapangan,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Kelmarin, seorang wanita melecur 60 peratus, dipercayai berpunca daripada percikan api yang terbentuk akibat wap petrol dan gelombang elektromagnet telefon bimbit dalam kejadian di Taman Setapak Indah.

Gelombang elektromagnet

Taufik berkata, caj elektrostatik yang dihasilkan menerusi pergeseran anggota badan dengan permukaan dalam kereta berkemungkinan antara punca kejadian kebakaran di stesen pam minyak.

Bagaimanapun, katanya, kemungkinan caj elektrostatik jauh lebih rendah berbanding haba dihasilkan gelombang elektromagnet daripada telefon bimbit.

“Gelombang elektromagnet kian memuncak apabila ada panggilan masuk, sekali gus menghasilkan kuantiti haba yang banyak.

“Caj elektrostatik hanya akan terhasil jika berlaku pergeseran antara dua permukaan dengan laju dan berulang kali, namun kekuatannya lebih rendah berbanding gelombang elektromagnet,” katanya.

Infografik

Wanita cedera disambar api ketika mengisi petrol

- 1** **Mangsa mengisi minyak** kenderaannya di sebuah petrol pam di Jalan Setapak
- 2** **Mangsa keluar** dari kenderaannya dan menjawab panggilan telefon bimbitnya yang diletak dalam poket seluar
- 3** **Sambil menjawab** panggilan telefon, mangsa mengisi minyak kenderaannya
- 4** **Mangsa tidak** sedar wap petrol yang terlepas ke ruang udara boleh menyebabkan percikan bahan api
- 5** **Secara tiba-tiba** api menyambar keseluruhan tubuh akibat dari wap yang terjadi ketika mengisi petrol

Deen: Grafik BH